DASAR AKSES TERBUKA TESIS DAN DISERTASI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 PENGENALAN

1.1 Pendekatan akses terbuka adalah berdasarkan kaedah baharu untuk mengurus dan menyebarkan aset bahan ilmiah penyelidikan melalui penggunaan teknologi digital. Bahan akses terbuka perlu disediakan mengikut prinsip FAIR iaitu *Findable, Accessible, Interoperable* dan *Reusable*.

1.2 Menurut kamus Oxford, akses terbuka adalah *the unrestricted right or opportunity to use or benefit from something, in particular, academic writing or research*. Maksud *unrestricted* ini adalah tiada had atau sempadan.

1.3 UNESCO pula menyatakan akses terbuka adalah ***free access to information and unrestricted use of electronic resources*** for everyone. Menurut UNESCO bahan penerbitan akan dikira sebagai akses terbuka sekiranya;

i. isi kandungan ini boleh diakses secara universal dan percuma, tanpa kos kepada pembaca, melalui Internet atau sebaliknya;
ii. penulis atau pemilik hak cipta memberikan hak yang tidak boleh ditarik balik untuk menggunakan, menyalin, atau mengedarkan artikel, kepada semua pengguna, untuk tempoh yang tidak terhad, dengan syarat diberi penghargaan yang sewajarnya;
iii. bahan disimpan,dengan serta-merta, dalam bentuk elektronik yang lengkap dan sesuai, dalam sekurang-kurangnya satu repositori akses terbuka yang diiktiraf secara meluas di peringkat antarabangsa yang komited kepada akses terbuka.

1.4 Tesis, disertasi dan latihan ilmiah merupakan hasil karya ilmiah pelajar siswazah dan prasiswazah semasa di universiti. Hasil karya ilmiah yang dikeluarkan amat bernilai tinggi dan merupakan sebahagian daripada sumbangan akademik terhadap kemajuan dan perkembangan ilmu pengetahuan. Tesis, disertasi dan latihan ilmiah merupakan hasil penyelidikan penting yang memberi impak terhadap kemajuan manusia dan juga sebagai indikator pengiktirafan ilmu.

1.5 Inisiatif strategik oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2024 yang dinamakan 20 Landasan Meningkatkan Prestasi Kecemerlangan Pendidikan Tinggi Negara, KPT memberi tumpuan khusus terhadap aspek penyampaian pendidikan yang lebih inklusif, holistik dan berimpak tinggi.

2.0 TAFSIRAN

2.1 Bahan Ilmiah Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Bahan yang dihasilkan oleh ahli akademik, bukan akademik dan pelajar tahun akhir sama ada bercetak atau bukan bercetak, diterbitkan atau tidak diterbitkan, yang merupakan harta intelek universiti.

2.2 Akses Terbuka (Open Access/OA) Tesis dan Disertasi

Tesis dan disertasi dalam talian yang boleh diakses secara percuma dan bebas dari isu hak cipta dan perlesenan.

2.3 Hak Cipta

Merupakan hak penguasaan yang dilindungi oleh undang-undang terhadap penyelidikan yang diperolehi oleh pengarang atau penyelidik.

2.4 Kategori Akses Tesis

Kategori akses tesis terdiri daripada:

i. ***Confidential*** – mengandungi maklumat sulit dan maklumat keselamatan yang sangat penting kepada Malaysia seperti yang ditetapkan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.
ii. ***Restricted*** – mengandungi maklumat terhad sebagai mana yang ditentukan oleh organisasi/ institusi di mana penyelidikan dilakukan.
iii. ***Open access*** – tesis tersedia untuk diakses secara terbuka.
iv. ***Embargo*** – tempoh masa tertentu untuk mendapat kebenaran akses terbuka sesuatu bahan.

2.5 Metadata

Kumpulan data asas yang menerangkan perincian maklumat penerbitan mengenai sesuatu bahan seperti pengarang, maklumat bibliografi, abstrak, penerbit dan lain-lain.

2.6 Pemilik Tesis

Universiti / pelajar/ pemberi dana/ industri mengikut Polisi Harta Intelek dan borang penyerahan tesis Universiti Malaysia Sabah (UMS). Universiti hendaklah menamakan pegawai yang diberi perwakilan kuasa untuk membenarkan akses terbuka.

2.7 UMS Institutional Repositori (UMSIR)

Pusat penyimpanan kepada manuskrip akhir hasil penerbitan dan penyelidikan warga universiti yang telah bebas dari isu-isu hak cipta. Bahan-bahan yang didepositkan ke dalam repositori institusi adalah:

i. Artikel Jurnal
ii. Prosiding
iii. Buku
iv. Bab Dalam Buku
v. Tesis
vi. Latihan Ilmiah
vii. Laporan Penyelidikan
viii. Laporan Kajian
ix. Paten
x. Data Penyelidikan
xi. Spesimen

2.8 **Tesis ; Disertasi ; Latihan Ilmiah**

Tesis bermaksud karya ilmiah yang tidak diterbitkan dan dikemukakan untuk memperolehi Ijazah Kedoktoran (PhD.), sementara disertasi merujuk kepada karya yang dihasilkan pada peringkat Ijazah Sarjana. Manakala latihan ilmiah adalah hasil penulisan pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

3.0 LATAR BELAKANG

3.1 Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 2021-2025 telah digariskan sebagai kerangka utama bagi memperkukuh pelaksanaan agenda pendigitalan dalam sektor pendidikan tinggi.

3.2 Bagi Teras Strategik 1 iaitu Pemantapan Pendigitalan Perkhidmatan Bersepadu Stabil dan Dinamik, KPT telah memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan secara digital yang menyeluruh (*end-to-end*) dan bersepadu kepada semua golongan sasar, termasuk warga akademik, penyelidik dan pihak berkepentingan lain dalam ekosistem Pendidikan tinggi yang di namakan Pembangunan Gerbang Perkhidmatan Penyelidikan Berpusat KPT. Ianya merupakan sebuah platform digital bersepadu yang dapat menyokong pengurusan aktiviti penyelidikan, pemprofilan penyelidik, serta perkongsian maklumat berkaitan penerbitan ilmiah dan sitasi secara lebih efisien dan sistematik.

3.3 Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah dipertanggungjawabkan untuk menyimpan bahan ilmiah Universiti Malaysia Sabah (UMS). Fungsi ini telah dilaksanakan sejak tahun 2000 dengan mewujudkan Koleksi Penyelidikan selepas menerima latihan ilmiah daripada graduan pertama universiti pada tahun 1999.

3.4 Antara komponen utama dalam pendigitalan penyelidikan ialah pelaksanaan akses terbuka terhadap tesis dan disertasi pascasiswazah di IPT. Langkah ini sejajar dengan aspirasi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) 2021-2025,

khususnya dalam memperkasa khutub khanah universiti sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan pemangkin budaya penyelidikan terbuka.

3.5 Pembentukan National Digital Library, satu platform perpustakaan digital negara yang bersifat inklusif dan bersepadu. Pelaksanaan sistem ini turut menyokong pelaksanaan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 yang menekankan pemerkasaan infrastruktur ilmu, keterbukaan data dan kolaborasi merentas institusi.

3.6 Secara tidak langsung, inisiatif ini akan menggalakkan budaya perkongsian ilmu antara universiti, memperluaskan kolaborasi antara penyelidik dan meningkatkan visibiliti penyelidik Universiti Malaysia Sabah di peringkat serantau dan global selaras dengan Statut dan Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah 2021 (Kuasa dan Kewajipan Ketua Pustakawan).

4.0 PERNYATAAN DASAR

4.1 Universiti Malaysia Sabah komited untuk memberikan akses tesis dan disertasi secara terbuka melalui pelantar berciri infrastruktur dinamik yang saling boleh beroperasi berlandaskan prinsip keterbukaan, kebolehaksesan, dan keadilan serta mematuhi prinsip FAIR dengan:-

i. Kepatuhan terhadap undang-undang hak cipta, keselamatan maklumat, dan kebolehcapaian digital.
ii. Melindungi harta intelek dan kepentingan semua pihak berkaitan, termasuk pelajar, universiti dan pihak industri.
iii. Melaksanakan pendekatan holistik bagi memastikan kejayaan termasuk pemantauan berkala, penyelenggaraan repositori yang cekap, menyediakan latihan dan sokongan berterusan.

4.2 Dasar ini akan menjadi asas kepada usaha kolektif untuk meletakkan Malaysia sebagai pusat perkayaan ilmu dan pemerkasaan penyelidikan bertaraf antarabangsa yang mampu memberi impak besar kepada dunia.

5.0 SKOP DASAR

5.1 Dasar ini terpakai kepada koleksi tesis dan disertasi dalam bentuk bercetak dan digital di semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia.

5.2 Dasar ini bertujuan untuk memastikan pengurusan tesis dan disertasi yang lebih sistematik dan seragam di Universiti Malaysia Sabah bagi kelestarian tesis dan disertasi Malaysia.

5.3 Pengurusan tesis yang sistematik dan terancang juga dapat meningkatkan *visibility* tesis Malaysia di peringkat global dan membolehkan pengukuran impak tesis Malaysia.

5.4 Dasar ini memberikan kebebasan akses kepada tesis dan disertasi dalam rangka undang-undang dan etika hak cipta bagi penciptaan maklumat penyelidikan baharu yang berkualiti.

5.5 Skop dasar akan dikaji semula dalam tempoh 3 hingga 5 tahun atau mengikut keperluan semasa berdasarkan Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.

6.0 OBJEKTIF

6.1 Meningkatkan prestasi kecemerlangan pendidikan tinggi negara sebagai sebuah hab Pendidikan serantau dan antarabangsa bagi menyokong pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.

6.2 Mewujudkan rangkaian perkongsian tesis dan disertasi di kalangan penyelidik, pelajar dan masyarakat bagi mempercepatkan sebaran dan perkembangan ilmu.

6.3 Mewujudkan nilai tesis dan disertasi ini kepada keuntungan negara semula melalui model pengkomersialan tesis.

6.4 Menyediakan repositori tesis di peringkat kebangsaan bagi menghimpunkan tesis dan disertasi IPT mengikut piawaian akses terbuka.

6.5 Meningkatkan keterlihatan (*visibility*) kepakaran penyelidik Malaysia di peringkat dunia bagi meningkatkan prestasi, kolaborasi dan rangkaian kerjasama bagi penyelidikan baharu.

6.6 Meningkatkan *ranking* webometric universiti melalui rujukan sitasi tesis dan disertasi.

7.0 KERANGKA AKSES TERBUKA TESIS DAN DISERTASI



Kerangka ini berfungsi sebagai panduan strategik untuk memacu keterbukaan akses kepada hasil penyelidikan, memperkukuh reputasi Universiti Malaysia Sabah, menggalakkan budaya kolaborasi yang dinamik, dan memastikan manfaat pengetahuan yang tersedia secara terbuka dapat dinikmati oleh semua pihak.

7.1 IMPAK

i. **Kolaborasi**
Mengukuhkan kolaborasi antara penyelidik dan institusi melalui akses terbuka kepada pembiaya (*funders*) dan masyarakat.

ii. **Keterlihatan**
Meningkatkan keterlihatan hasil penyelidikan Malaysia di peringkat global.

iii. **Pendidikan terbuka**
Menyokong pendidikan terbuka dengan menyediakan sumber maklumat yang mudah diakses.

iv. **Penilaian**
Penilaian pencapaian institusi dan penyelidik menjadi lebih mudah dengan akses terbuka. Penilaian tidak terhad kepada *peer-reviewer* sahaja tetapi juga maklum balas dari masyarakat.

v. **Sains Rakyat (Citizen Science)**
Akses terbuka turut memperluaskan penglibatan masyarakat dalam dunia penyelidikan melalui konsep "sains rakyat". Masyarakat umum diberi peluang untuk menyumbang kepada projek penyelidikan, sama ada melalui pengumpulan data, analisis, atau memberikan pandangan.

vi. **Perkongsian idea**
Akses terbuka memudahkan perkongsian idea antara penyelidik, yang menjadi asas kepada pembangunan inovasi baharu. Berkongsi idea untuk manfaat masyarakat dan industri.

vii. **Insentif**
Akses terbuka memberi peluang untuk pengiktirafan dan ganjaran yang lebih besar. Hasil penyelidikan yang mendapat lebih banyak petikan dan muat turun sering kali dianggap sebagai petunjuk kejayaan akademik.

viii. **Integriti penyelidikan**
Meningkatkan integriti dan kepercayaan terhadap penyelidikan. Akses terbuka membantu memupuk integriti dalam dunia penyelidikan apabila hasil penyelidikan boleh diakses oleh semua. lanya membuka ruang untuk semakan penilaian pakar bidang (*peer review*) yang lebih meluas.

7.2 AKSES

Terdapat tiga kategori akses utama:

i. **Orang awam**
Memberi peluang kepada masyarakat umum untuk memanfaatkan ilmu yang dihasilkan oleh universiti.

ii. **Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)**
Akses khusus untuk penyelidik dan pelajar Universiti Awam untuk meningkatkan impak dan reputasi penyelidikan mereka.

iii. **Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)**
Akses kepada pelajar IPTS bagi melibatkan mereka dalam ekosistem akses terbuka, memastikan penghasilan ilmu mereka turut diiktiraf dan boleh dicapai.

7.3 PEMANGKIN ICT

Pemangkin kepada kejayaan akses terbuka ialah teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang mempercepatkan proses penyimpanan dan perkongsian data:

i. **Repositori Institusi (IR):**
Repositori institusi berfungsi sebagai platform utama untuk menyimpan dan mengurus tesis di setiap universiti masing-masing.

ii. **Repositori Tesis Kebangsaan:**
Repositori peringkat kebangsaan dijadikan platform untuk mengumpul tesis dari pelbagai institusi dan menyediakan akses terbuka untuk meningkatkan keterlihatan hasil penyelidikan.

7.4 HAK MILIK

Pihak yang bertanggungjawab terhadap akses dan pengurusan tesis;

i. **Universiti:**
Sebagai penjaga atau pemilik repositori institusi, tesis dan penyedia utama data, mengikut yang berkenaan.

ii. **Penyelidik:**
Mereka bertanggungjawab menghasil dan mengawal kualiti data yang diterbitkan.

iii. **Industri:**
Menggunakan hasil penyelidikan untuk inovasi dan pembangunan.

7.5 ASAS

Asas kepada kerangka ini merangkumi elemen penting yang mendukung pelaksanaan akses terbuka:

i. **Dana Awam dan Dana Kerajaan:**
Penyelidikan yang dibiayai oleh kerajaan sama ada dijalankan oleh kerajaan sendiri, atau melalui geran kepada penyelidik di luar kerajaan.

ii. **Sumber Maklumat:**
Sumber maklumat ditakrifkan sebagai data dan maklumat yang digunakan oleh seseorang atau sesebuah organisasi untuk penyelidikan.

iii. **Penyelidik:**
Komitmen dari penyelidik sebagai pengeluar data utama untuk menyokong dasar ini.

iv. **Data**
Data dari hasil penyelidikan tesis dan disertasi yang menjadi asas kepada penyelidikan baharu dan inovasi.

7.6 PRINSIP

Mematuhi prinsip FAIR untuk memastikan data penyelidikan dapat digunakan semula dan diakses dengan lebih efisien:

i. **Findable (Dapat Dicari):**
Maklumat dan data perlu diatur secara sistematik dan mudah dicari, sama ada oleh penyelidik, pembaca, atau masyarakat umum.

ii. **Accessible (Boleh Diakses):**
Maklumat yang tersedia perlu boleh diakses tanpa sekatan, termasuk melalui platform digital yang mesra pengguna.

iii. **Interoperable (Boleh Beroperasi Bersama):**
Data yang dihasilkan boleh diintegrasikan antara sistem berbeza untuk memudahkan perkongsian, analisis, dan kolaborasi merentas platform.

iv. **Reusable (Boleh Digunakan Semula):**
Data yang dikongs boleh diguna semula untuk penyelidikan lain tanpa perlu menukar atau memproses semula maklumat tersebut.

8.0 STRATEGI PELAKSANAAN DASAR AKSES TERBUKA TESIS DAN DISERTASI

8.1 **Pelaksanaan akses terbuka tesis dan disertasi** memerlukan tindakan seperti di bawah:

8.1.1 Maklumat yang terdapat di dalam borang penyerahan tesis perlu mengandungi klasifikasi akses seperti berikut:

i. *Confidential* – mengandungi maklumat sulit dan maklumat keselamatan yang sangat penting kepada Malaysia seperti yang ditetapkan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.
ii. *Restricted* – mengandungi maklumat terhad sebagai mana yang ditentukan oleh organisasi/ institusi di mana penyelidikan dilakukan.
iii. *Open access* – tesis tersedia untuk diakses secara terbuka.
iv. *Embargo* – tempoh masa tertentu untuk mendapat kebenaran akses terbuka sesuatu bahan.

8.1.2 Pelajar dikehendaki mengemukakan borang penyerahan tesis, disertasi dan latihan ilmiah Universiti Malaysia Sabah yang telah lengkap dengan status akses bersama-sama dengan tesis, disertasi atau latihan ilmiah yang dihantar.

8.1.3 Tesis, disertasi dan latihan ilmiah teks penuh yang akan dimuat naik ke dalam repositori hendaklah **disahkan atau diluluskan** bertaraf akses terbuka oleh **penyelia pelajar** sebelum disebarkan kepada pengguna awam. Penyelia pelajar bertanggungjawab memastikan bahawa tesis yang akan dikategorikan sebagai akses terbuka adalah **BUKAN** dalam kategori **SULIT, TERHAD** atau **EMBARGO.**

8.1.4 Walau bagaimanapun, pelajar atau kolaborator boleh mengemukakan bantahan sekiranya tidak bersetuju tesis tersebut dijadikan akses terbuka, walaupun tesis tersebut bukan dalam kategori sulit, terhad atau embargo. Universiti hendaklah membuat pertimbangan dan membuat keputusan terhadap bantahan tersebut dengan menilai asas-asas yang munasabah seperti keperluan pendaftaran harta intelek, pengkomersialan dan sebagainya. Keputusan Universiti berhubung bantahan tersebut adalah muktamad.

8.1.5 Tesis dan disertasi yang mengandungi maklumat sulit atau terhad (confidential) dan terhad (restricted) oleh organisasi terlibat dalam penyelidikan akan dikecualikan daripada akses terbuka.

8.1.6 Tesis dan disertasi yang telah melepasi tempoh embargo boleh diakses secara terbuka.

8.1.7 Pelaksanaan dasar ini adalah selari kepada polisi harta intelek dan polisi pengkomersialan harta intelek Universiti Malaysia Sabah.

8.1.8 Dasar ini dibaca bersama dengan Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi Institut Pengajian Tinggi Malaysia.

8.2 Strategi pelaksanaan di peringkat Perpustakaan:

8.2.1 Pemakluman dan penerangan awal kepada pelajar berkaitan status akses terbuka tesis dan disertasi.

8.2.2 Perpustakaan perlu mengadakan latihan secara berterusan berkaitan sistem semakan plagiarisme dan isu plagiat.

8.2.3 Mewujudkan pustakawan khusus untuk mengendalikan sebarang aduan atau isu berkaitan plagiarisme.

8.2.4 Akses terbuka tesis dan disertasi bermula dari koleksi yang telah mempunyai deklarasi akses terbuka yang jelas.

8.2.5 Perpustakaan perlu menyediakan storan yang mencukupi untuk menyimpan rekod teks penuh tesis dan disertasi.

8.2.6 Perpustakaan perlu memastikan sistem repositori yang diguna pakai berkebolehan untuk saling bolehoperasi (*interoperable*) dengan platform berpusat akses terbuka.

8.2.7 Menyediakan fungsi di dalam sistem repositori yang akan menukar status bahan secara automatik kepada akses terbuka selepas tempoh embargo.

8.3 Repositori berpusat di peringkat kebangsaan berasaskan teknologi kecerdasan buatan (Al)

Repositori berpusat di peringkat kebangsaan akan diwujudkan berasaskan Kecerdasan Buatan (Al) dan menyediakan dashboard bagi penjanaan data analitik tesis Malaysia.

8.4 Model Bisnes Komersial Tesis IPT

Model Bisnes Komersial Tesis IPT boleh dipertimbangkan pelaksanaannya dengan persetujuan dari IPT dan KPT.

9.0 PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

Pemilik tesis hendaklah berusaha melaksanakan perlindungan harta intelek kepada tesis yang telah berstatus akses terbuka yang dikenal pasti berpotensi untuk dikomersialkan, dalam tempoh 12 bulan dari tarikh penerbitan dalam platform akses terbuka. Ini bagi mengelakkan kehilangan hak kelayakan pendaftaran harta intelek selepas tempoh tersebut kerana hasil ciptaan yang diterbitkan telah menjadi *public domain*.

9.1 PERLINDUNGAN HARTA CIPTA

Di Malaysia, hakcipta dikawal oleh Undang-Undang melalui Akta Hak Cipta 1987 (dirujuk sebagai Akta). Berdasarkan undang-undang hak cipta, penciptaan dan pemilikan adalah dua konsep yang berbeza. Terdapat beberapa peruntukan undang-undang dalam akta yang boleh dirujuk berhubung pelaksanaan akses terbuka dalam isu-isu berkaitan perlindungan hak cipta seperti berikut:

i. **Seksyen 25** - menetapkan bahawa pencipta karya mendapat hak moral ke atas karya.
ii. **Seksyen 26** - pencipta diiktiraf sebagai pemilik pertama kecuali dalam tiga (3) keadaan iaitu karya dibuat dalam proses pekerjaan, karya ditempah oleh seseorang yang bukan majikan pencipta dan karya yang dibuat di bawah arahan atau kawalan Kerajaan, badan Kerajaan atau badan antarabangsa.
iii. **Sekysen 13 (1)**- pemilik hak cipta memiliki hak ekonomi ke atas karya.

9.2 PENGECUALIAN PERLINDUNGAN HAK CIPTA

Tesis dan disertasi yang telah dibenarkan untuk akses terbuka adalah tertakluk kepada pengecualian perlindungan hak cipta seperti berikut:

Akta Hak Cipta 1987 dan Undang-Undang English Common Law (Undang-Undang Adat Lama lnggeris) ada memberikan pengecualian terhadap sebarang pelanggaran hak cipta. Pengecualian ini bermaksud, sebarang penggunaan sesuatu hak cipta itu, ianya tidak akan dianggap sebagai perlanggaran hak cipta sekiranya:

i. sesuatu hakcipta digunakan untuk tujuan penyelidikan atau pendidikan di Universiti;
ii. sesuatu hakcipta digunakan untuk tujuan pengajaran atau pembelajaran yang tidak berasaskan keuntungan atau tidak membawa kepada sebarang keuntungan perniagaan dan tiada bayaran dikenakan untuk hakcipta tersebut kepada orang awam;
iii. sesuatu hakcipta digunakan untuk tujuan peperiksaan sama ada sebagai soalan atau jawapan;
iv. sesuatu hakcipta digunakan oleh Universiti yang tidak berasaskan keuntungan.

10.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

10.1 Kementerian Pendidikan Tinggi

10.1.1 Memandatkan dasar akses terbuka melalui pekeliling/arahan pentadbiran bagi pelaksanaan di peringkat IPT.

10.1.2 Mengkaji keberkesanan dasar ini berdasarkan laporan yang disediakan.

10.1.3 Memantau pembangunan dan naiktaraf platform akses terbuka tesis dan disertasi di peringkat kebangsaan.

10.1.4 Menyediakan dana tahunan untuk menampung kos penyenggaraan repositori berpusat.

10.1.5 Memudah cara perbincangan antara IPT dan agensi-agensi yang berkaitan dalam melaksanakan dasar akses terbuka tesis dan disertasi.

10.1.6 Menerima laporan atau maklum balas isu-isu berbangkit berkaitan dasar.

10.2 Universiti

10.2.1 Berkongsi sumbangan kewangan bagi menampung kerja-kerja menaiktaraf platform berpusat bagi akses terbuka tesis dan disertasi.

10.2.2 Melindungi hak cipta tesis berdasarkan dasar hak cipta IPT.

10.2.3 Menyediakan platform repositori institusi kepada penyelidik untuk memastikan serahan tesis mematuhi dasar yang telah ditetapkan oleh IPT serta menyediakan sistem pencarian bahan mesra pengguna.

10.2.4 Memastikan penyimpanan, pemeliharaan dan capaian tesis dan disertasi di dalam repositori.

10.2.5 Memastikan kawalan keselamatan kepada tesis di dalam repositori dengan menyelenggara repositori berpandukan Dasar Keselamatan ICT.

10.2.6 Memastikan pelaksanaan dan pemantauan Dasar Akses Terbuka Tesis dengan kerjasama dengan pihak lain yang berkaitan bagi memastikan pelaporan dan pengurusan data secara sistematik.

10.2.7 Memastikan kebolehcapaian akses daripada platform akses terbuka tesis kebangsaan kepada repositori institusi IPT.

10.3 Pelajar

10.3.1 Pelajar bertanggungjawab untuk menyerahkan tesis atau disertasi dalam format elektronik yang ditentukan bersama-sama dengan sejumlah salinan bercetak kepada pihak Fakulti/Pusat/Institut/Pusat Pengajian Pascasiswazah.

10.3.2 Tesis atau disertasi yang dihantar mestilah salinan akhir yang telah disemak dan disahkan oleh penyelia atau pihak yang bertanggungjawab.

10.3.3 Pelajar dikehendaki mengemukakan dan melengkapkan borang penyerahan tesis IPT bersama-sama dengan tesis atau disertasi yang dihantar.

10.4 Fakulti /Pusat/Institut/Pusat Pengajian Pascasiswazah

10.4.1 Menerima, mengesahkan dan menyerahkan tesis dan disertasi yang telah disemak dan disahkan kepada pihak perpustakaan.

10.4.2 Menentukan dan mengesahkan status klasifikasi tesis dan disertasi dalam borang penyerahan tesis sebelum dimuat naik ke dalam repositori.

10.5 Perpustakaan

10.5.1 Menyelaras proses pendepositan hasil penerbitan melibatkan penyelidik berdasarkan keperluan pembiaya penyelidikan.

10.5.2 Melakukan verifikasi rekod bahan penyelidikan ilmiah yang di deposit di platform repositori institusi bagi memastikan pematuhan terhadap dasar yang telah ditetapkan.

10.5.3 Menyediakan garis panduan berkaitan metadata, pemeliharaan dan pemuliharaan bahan digital untuk jangka masa panjang.

10.5.4 Mengendalikan sesi latihan kepada pelajar dan staf.

10.5.5 Menyediakan sistem yang akan menukar status bahan secara automatik kepada akses terbuka selepas tempoh embargo.

11.0 IMPAK DASAR AKSES TERBUKA TESIS DAN DISERTASI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Pelaksanaan akses terbuka akan memberi impak yang positif kepada penyelidik dan juga Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia. Tesis dan disertasi yang boleh diakses secara terbuka memberikan manfaat seperti berikut:

11.1 Penyebaran pengetahuan secara meluas

Akses terbuka merujuk kepada kaedah menyediakan maklumat dan pengetahuan secara percuma atau tanpa sekatan kepada orang ramai. lni bermaksud tesis dan disertasi boleh diakses oleh sesiapa sahaja tanpa perlu membayar atau menghadapi sekatan tertentu.

11.2 Kolaborasi dan inovasi

Konsep akses terbuka memberi ruang dan peluang kepada penyelidik untuk menjalinkan kerjasama bersama rakan industri dan universiti sama ada dalam atau luar negara. lni menggalakkan pertukaran idea dan data bagi memacu inovasi dan perkembangan penyelidikan.

11.3 Peningkatan visibiliti

Akses terbuka tesis dan disertasi memberikan peluang kepada penulis untuk mendapatkan pengiktirafan dan perhatian yang lebih besar terhadap hasil kerja mereka. Karya-karya tersebut menjadi lebih mudah diakses dan meningkatkan impak mereka dalam kalangan penyelidik sama ada tempatan atau global.

11.4 Keterbukaan dan transparensi

Akses terbuka tesis dan disertasi mendorong transparensi dalam proses penelitian dan metodologi. lni bermaksud, maklumat mengenai cara penyelidikan dijalankan dan data yang diperoleh boleh diakses dan dirujuk oleh penyelidik lain.

11.5 Akses untuk komuniti

Salah satu faedah utama akses terbuka tesis dan disertasi ialah memberikan peluang kepada komuniti untuk mendapatkan akses kepada pengetahuan ilmiah. lni boleh meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat terhadap perkembangan sains dan teknologi.

11.6 Kepatuhan terhadap prinsip akses terbuka

Amalan akses terbuka tesis dan disertasi mengukuhkan prinsip keterbukaan dan aksesibiliti, menyokong nilai-nilai etika dan tanggungjawab dalam dunia penyelidikan dan penulisan ilmiah.

11.7 Peluang menambah nilai tesis dan penjanaan pendapatan

Pelaksanaan akses terbuka tesis dan disertasi menambah nilai tesis dan membuka peluang kepada IPT untuk menjana pendapatan melalui penawaran pakej akses maklumat kepada pihak-pihak yang berkeperluan.

12.0 TARIKH KUAT KUASA

Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi Universiti Malaysia Sabah (UMS) ini berkuatkuasa mulai dari tarikh diluluskan.

13.0 PENUTUP

Pelaksanaan dasar ini memerlukan kerjasama semua Fakulti/Pusat/Institut Universiti Malaysia Sabah bagi memastikan inisiatif akses terbuka dapat dilaksanakan, seterusnya meningkatkan keterlihatan Malaysia sebagai pusat ilmuwan dan penyelidikan bertaraf antarabangsa.

RUJUKAN

Warta Kerajaan Persekutuan. (2021). *Statut Universiti Malaysia Sabah (Ketua Pustakawan) 2021*. Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah *[P.U. (A) 460/2010]*, Canselor.

Jawatankuasa Akses Terbuka Universiti Awam Malaysia. (2025). *Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi Institut Pengajian Tinggi Malaysia.* Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2026, March). Home page. Retrieved March 26, 2026, from https://prpm.dbp.gov.my/

Ali, A., & Jan, S. (2021). Contribution of UK and USA towards Open Access Theses and Dissertations (OATD). Proceedings of the International Conference on Knowledge Management in Higher Education Institutions (JCKHI 2021), 7-8 April 2021 (him. 309-316). Manipal University Jaipur.

Amir Hussain Md Ishak, Salmah Salleh, & Zubaidah lberahim. (2017). Pengurusan tesis dan disertasi di kalangan universiti awam Malaysia: lsu dan cabaran untuk mewujudkan repositori teks penuh kebangsaan [PowerPoint slides]. Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia. https://seminarkepustakawanan2017 .wordpress.com/wpcon tent/up load s/2017 /06/3-kajia n-polis i-re positori-tesis-da n-disertasi-elektron ikd i-fi nal.pdf

Cullen, R. & Chawner, B. (2010). Institutional repositories: Assessing their value to the academic community. Performance Measurement and Metrics. 11(2):131-147. https://do1: 10.1108/14678041011064052

Madalli, D. P. (2015). Concepts of openness and open access. UNESCO. https //unesdoc.unesco.org/ark.i48223/pf0000232207

Read the declaration. (n.d.). Budapest Open Access Initiative. https ://www.budapestope naccessi nitiative .org/read/

Shieber, S. M. (2015). A model open-access policy. Harvard University. https./,osc.hul.harvard.edu/modelpohcv/

Tsoukala, V., Angelaki, M., & Pasteur4OA. (2015). Open access policy guidelines and template for funders. Pasteur4OA. http. /www.pasteur4oa.eu/s1tes/pasteur4oa/fi1es/resource1FUNDERS POLICY GUIDELI ES FINAL.pdf

Universiti Teknikal Malaysia Melaka. (2021). Kaji selidik repositori institusi dari segi pengurusan bahan digital (PSM dan tesis) [Unpublished report]. Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Universiti Teknologi Malaysia. (2023). Kajian pelaksanaan akses terbuka koleksi ilmiah melalui repositori institusi universiti awam (UA) di Malaysia [Unpublished report]. Universiti Teknologi Malaysia.

UNESCO. (n.d.). What is Open Access? UNESCO. https.//en.unesco.org/open-access what-open-access